



BH
ONLINE

JPS arahkan penduduk jangan ubah batu tembok

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.mu

KONGSI ARTIKEL

Share

Tweet

ALOR GAJAH: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri hari ini mengarahkan anggota komuniti pinggir pantai di Kampung Pantai, Kuala Sungai Baru, dekat sini supaya tidak mengubah kedudukan batu tembok penahan ombak sesuka hati.

Ini kerana tindakan berkenaan boleh menyebabkan struktur susunan bongkah batu yang membentuk tembok berkenaan longgar, sekali gus mengakibatkan hakisan pantai berulang.

Pengaruhnya, Abdul Hakim Hamzah, berkata siasatan jurutera JPS di lokasi lubang yang terbentuk di tembok berkenaan mendapati, ada penduduk kampung mengubah kedudukan batu pada tembok itu semata-mata untuk menurunkan perahu gentian kaca dari pantai ke laut.

"Keadaan itu menyebabkan susunan bongkah batu atau 'rock revetment' yang membentuk tembok penahan ombak menjadi longgar dan mengakibatkan hakisan serta lubang," katanya di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau meminta anggota komuniti terbabit memberikan kerjasama memelihara tembok berkenaan daripada mengalami hakisan pantai akibat tindakan mengubah batu.

Berikutan kejadian itu, JPS terpaksa meminta kontraktor menjalankan kerja pembaikan menutup semula lubang berkenaan dengan batu bersaiz lebih kecil bagi memastikan lubang tidak terus membesar dan merosakkan tembok terbabit.

Ahad lalu, sebanyak tujuh lubang yang muat tubuh budak dikesan di tebing pemecah ombak kampung berkenaan dan membimbangkan, 15 daripada tiga keluarga yang menghuni kediaman berhampiran tembok berkenaan.

Ia dibimbangi mengancam keselamatan kanak-kanak yang sering bermain di pantai itu, selain berpotensi untuk membesar dan mengancam keselamatan penghuni rumah berkenaan.

Norizam Suboh, 55, berkata beliau dan penghuni lain terkejut apabila mendapati ada tujuh lubang terbentuk di kawasan berkenaan pagi Ahad lalu.

"Dua hari sebelum lubang itu terbentuk, ombak besar melanda pantai di kampung ini yang dipercayai menyebabkan pasir pantai di bahagian bawah timbunan batu tembok penahan ombak ditarik ke laut.

"Hakisan di bahagian bawah bongkah batu itu meresap hingga ke atas dan menyebabkan pasir pantai berlubang sebesar badan budak dan ia amat membimbangkan kami, terutama keselamatan anak kami yang selalu bermain di kawasan itu," katanya.

Beliau menjelaskan, tembok berkenaan dibina bagi mengatasi masalah hakisan pantai yang mengancam keselamatan penduduk kampung itu sejak September tahun lalu.